BERITA HARIAN, SABTU, 20 JUN, 1981

Pengajaran dari Iran...

"Bani-Sadr sedang diburu", kata sebuah tajuk berita Utusan Melayu Jun 19, 1981. Berita Harian pula melaporkan perkara yang sama di bawah kepala "Bani-Sadr hilang" dan menambah bahawa Presiden Abolhassan Bani-Sadr hilang dari khalayak ramai, mungkin lari dari musuh-musuh politiknya, menurut saudara dan teman rapatnya.

Saudara perempuannya, Robabeh Sakineh berkata, dia tidak tahu di mana Presiden itu atau keluarganya berada.

Mengenai Bani-Sadr jua, Berita Harian menyiarkan satu lagi berita di muka 3 di bawah tajuk "Dituduh tak layak Presiden Sadr di-beri 2 hari membela diri". Berita berikutan berkata, Presiden Abolhassan Bani-Sadr dibri dua hari untuk menyediakan pembelaan terhadap tuduhan tidak layak yang dibuat sebulat suara oleh ahli-ahli Parlimen Iran. (Nota: Sebelum itu tempoh yang diberi kepadanya terhad kepada 8 jam sahaja).

Selepas meluluskan butir-butir dakwaan itu semalam, kebanyakan ahli Parlimen berdiri dan berteriak "Allahu Akbar" dan setengahnya memekik "mampus Bani-Sadr."

Di luar bangunan Parlimen dua tingkat itu, kumpulan-kumpulan militan Islam menyeru Presiden Bani-Sadr, 48 tahun, dibunuh serta merta. Mereka berkumpul di sana dua hari berturut-turut.

Mengikut berita yang tersiar di Malay Mail (Jun 18, 1981) lebih dari dua-pertiga (⅔) ahli-ahli Parlimen Iran menjerit pekik "Bani-Sadr mesti dibunuh seratus peratus (100%)"

(Nota: Ahli-ahli Parlimen yang berteriak supaya "Bani-Sadr dibunuh seratus peratus" itulah jua orangnya yang akan mempertimbangkan sama ada Bani-Sadr layak atau tidak menjadi Presiden....)

* * *

KOMEN PENULIS:

Apa yang berlaku di Iran itu adalah masalah dalam negeri Iran dan orang-orang luar tidak berhak campurtangan. Oleh itu bukanlah maksud penulis untuk mengkritik sistem pemerintahan di Iran, kerana sistem seperti itu mungkin sistem yang paling "best" bagi negara berkenaan, memandangkan kepada sejarahnya dan latarbelakang sosial, kebudayaan dan psikologi rakyatnya....

Penulis menghidangkan di halaman ini cerita seram campur lucu dari Iran tadi bukan sahaja kerana "news value" nya, tapi jua kerana penulis percaya berita berkenaan mengandungi sedikit sebanyak pengajaran bagi rakyat di negara kita sendiri. Di antara pengajaran yang dimaksudkan itu ialah:

Di sesebuah negara yang berada di bawah Rejim Revolusi, sehinggakan Presiden pilihan Rakyat diberi cuma dua hari (ulangi 2 hari) untuk membela diri di hadapan musuh-musuh politiknya, yang sebelum "perbicaraan" bermula udahpun mengjeritpekikkan pendapat mereka, iaitu Presiden itu "mesti dibunuh seratus peratus" — "seratus peratus" agaknya bermaksud supaya Presiden itu dipancung sehingga kepalanya gugur ke lantai di tempat ia "dibicarakan," sebaik-baik sahaja "perbicaraan" tamat? Sebaliknya, di sesebuah negara yang tidak berada di bawah "Rejim Revolusi" — seperti negara kita, umpamanya — penipu-penipu besar dan ketua-ketua penyamun sekalipun (Botak Chin, misalnya) diberi tempoh jauh lebih dari "dua hari" (sebenarnya, bertahun-tahun) untuk membela diri bukan di hadapan mangsa-mangsa rompakan yang menuduhnya dan bukan di hadapan pegawai-pegawai Polis yang menangkapnya, tapi di hadapan Mahkamah yang mentadbirkan keadilan "without fear or favour." (Dan sebelum digantung diberi pula peluang untuk ditemui oleh waris-warisnya. Dalam bahasa lain, sungguhpun hanya dikenakan hukuman gantung sampai mati, tapi tidak pula "dibunuh seratus peratus", dalam konteks kepalanya diceraikan dari badannya di tempat hanya di bicarakan).

Itulah, agaknya, mengapa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir (bakal Presiden UMNO merangkap bakal Perdana Menteri Malaysia), baru-baru ini, dilaporkan sebagai berkata, "UMNO tidak pernah percaya kepada penggunaan kekerasan atau kepada cara-cara Revolusi seperti yang digunakan oleh setengah-setengah parti politik di negara-negara lain yang berkuasa melalui Revolusi." (Utusan Melayu Jun 13, 1981). Dan sebelum itu pula beliau berkata lebih kurang begini: "Pertahankanlah sistem demokrasi bercorak pemerintahan beRaja mengikut Perlembagaan (yakni, "constitutional monarchy") seperti yang terdapat di Negara kita di hari ini."

* * *

CATITAN KHAS:

Adalah diharapkan semoga cerita darihal apa yang berlaku di Iran itu akan menyedarkan rakyat di negara ini tentang bahaya pemerintahan yang berdasarkan kepada Revolusi dan secara serentak akan membukakan mata setengah-setengah "pemimpin" tempatan, yang bercita-cita untuk mengimport ke Negara ini, sistem pemerintahan melalui Revolusi — sama ada "Revolusi" yang mereka agung-agungkan itu dari kategori "Sayap Kanan" ataupun "Sayap Kiri"!

☆☆☆

Ekor Ruangan:

Di halaman ini (Jun 17, 1981) di bawah tajuk "Masuk susah, keluar pun susah!", penulis mengisahkan pengalaman seorang eksekutif firma, seorang Pak Haji dan seorang pegawai kanan polis, yang terpaksa membuang masa, dari lima-belas minit sehingga setengah jam, dalam usaha mereka untuk mengesan sesebuah Jabatan di Bangunan Sekretariat yang baru di Shah Alam — kerana ketiadaan papantanda sama ada di pintu-pintu bangunan berkenaan ataupun di tangga-tangga di bahagian dalamnya.

Pagi semalam seorang pembaca merangkap sahabat lama telah menyampaikan kepada penulis (melalui telefon) satu cerita dari luar negeri yang seakan-akan serupa temanya.

Beginilah bunyi cerita berkenaan. Pada satu hari seorang surirumah, Mrs Smith di Washington D.C. telah pergi ke Pentagon, iaitu Kementerian Pertahanan Amerika Syarikat dengan tujuan menemui suaminya, Kolonel Smith. Apa yang tidak diketahui oleh Mrs Smith ialah, pegawai-pegawai tinggi, rendah dan kanan di Pentagon tidak dikenali dengan nama mereka (atas sebab-sebab keselamatan), tapi diberi nama rahsia, yakni "code names" dan pintu-pintu bilik cuma diberi nombor seperti 001,002, 007 dan lain-lain.

Selain dari itu, bangunan berkenaan amatlah besar (jauh lebih besar dari bangunan Sekretariat di Shah Alam) dan mengandungi terlalu banyak ruang (lebar dan sempit), bilik, sudut dan tangga. Dengan itu, Mrs Smith terpaksa bertanya dari seorang pegawai kepada pegawai yang lain dan menghayun betis dari satu ruang ke satu ruang yang lain untuk mendapatkan maklumat mengenai pejabat suaminya Kolonel Smith, tapi kesemua usahanya itu gagal belaka. Mrs Smith tidak mudah putus asa: dia cuba dan cuba berulang kali untuk mengesan bilik suaminya.

Untuk meringkaskan cerita, setelah pergi ke sana, berpusing ke sini dan membelok ke sana, alangkah gembiranya Mrs Smith bila ia ternampak seorang Jeneral berbintang empat berjalan ke arahnya. Maka setelah berhadapan dengan Jeneral berbintang empat itu, Mrs Smith bertanya, "Tolongiah Jeneral, beritahulah saya di mana pejabat suami saya, Kolonel Smith?". Jeneral, tidak menjawab (atas sebab keselamatan) tapi menumpukan perhatian ke perut Mrs Smith sambil berkata, "Dalam keadaan sebegini anda tidakiah sepatutnya berada di tempat ini."

(Nota: "Keadaan" yang dimaksudkan oleh Pak Jeneral itu ialah Mrs Smith mengandung sembilan bulan dan mungkin melahirkan anak bila-bila masa sahaja). Mrs Smith menjawab, "Sebenarnya, Jeneral, bila saya mula memasuki bangunan ini untuk menemui suami saya, keadaan perut saya belumlah lagi sebegini sarat....."

☆☆☆

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia